

Mangsa kerenah birokrasi

TANJONG KARANG - Terlalu banyak kerenah birokrasi menyebabkan sistem saliran di sepanjang laluan utama di Kuala Selangor menghala Tanjung Karang, di sini masih gagal diselenggara dengan baik gara-gara masing-masing menuding jari.

Ketua PKR Cabang Kawasan Tanjung Karang, Mohd Yahya Mat Sahri berkata, jika jabatan masing-masing menuding jari dengan memberi alasan bukan kawasan seliaan mereka menyebabkan rakyat yang terpaksa menanggung akibatnya.

“Sebagai contoh, saliran parit di tepi jalan di Kampung Permatang sehingga kini tidak diselenggara dengan baik dan apabila aduan diajukan kepada pihak berkenaan, mereka pula kata itu di bawah agensi lain.

“Sedangkan rakyat tidak mahu tahu situasi itu dan hanya mahu masalah diselesaikan. Tidak salah jika mereka bekerjasama menjalankan kerja selenggara parit yang semakin sebu.

“Sekarang musim hujan dan jika saliran tidak diselenggara, tak mustahil kawasan jalan dinaiki air dan menjadi punca kemalangan. Kita tidak mahu insiden buruk berlaku baru pihak terbabit bertindak,” katanya.

Mohd Yahya yang juga Pengerusi Biro Kepenggunaan Keadilan itu berkata, sewajarnya masalah rakyat ini diberi perhatian semua



Saliran parit di jalan utama masih tersumbat di Kampung Permatang.

agensi kerajaan dan tidak perlu dibangkitkan banyak kali dalam mesyuarat.

“Sudah pastinya rakyat mahu kerja dibuat dengan baik dan bukannya sisa tanah yang dikorek diletak di tepi jalan sahaja. Keadaan itu memburukkan pemandangan lebih-lebih di laluan utama.

“Saya berharap masalah ini dapat diberi perhatian memandangkan musim hujan boleh mengundang masalah banjir kilat di kawasan saliran yang tersumbat,” katanya kepada *Sinar Harian*.